

Aktiviti pembalakan punca banjir kilat di Gua Musang

Oleh YATIMIN ABDULLAH

PASIR MAS – Aktiviti pembalakan di hulu negeri Kelantan dipercayai menjadi punca kepada masalah banjir kilat yang berlaku di Gua Musang baru-baru ini.

Setiausaha Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Hanafi Mamat berkata, sebelum ini, kawasan tersebut bertindak sebagai pusat tadahan hujan namun ia tidak lagi berfungsi ekoran kerja-kerja pembalakan di kawasan terbabit.

“Bila kawasan itu dirosakkan, bagaimana nak tampung jumlah pertambahan hujan?. Kita tidak boleh nak sekat banjir. Apa yang kita boleh buat ialah mengawal dan menguruskannya secara sistematik.

“Jika pembalakan itu terkawal, saya yakin musibah banjir ini akan dapat kita atasi,” katanya selepas merasmikan Majlis Penutup Program Tajdid Al-Fikr Bersama Warga Penggerak Parlimen Pasir Mas di sini semalam.

Baru-baru ini, hujan lebat selama beberapa jam sejak awal pagi telah mengakibatkan 10 buah kampung di



SEORANG penduduk terpaksa meredah banjir kilat yang melanda Kampung Subong, Gua Musang pada Khamis lalu.

Gua Musang dilanda banjir kilat.

Antaranya ialah Kampung Kundur, Kampung Nerang, Kampung Kerinting, Kampung Lembaga, Kampung

Tiong, Kampung Subong dan Kampung Sungai Terah termasuk beberapa buah perkampungan Orang Asli di Tanah Tinggi Lojing.